

Headline	Ketakutan tidak berasas sekat pendidikan seks		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	34	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	533 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 23,482
Frequency	Daily	PR Value	RM 70,446



Ketakutan tidak berasas sekat pendidikan seks

Silibus perlu direncana melalui pandangan lebih luas bukan bertumpu kepada perlakuan saja



SAMPAI bila seks akan terus menjadi perkataan yang dilarang (taboo) untuk dibincangkan secara terbuka menyebabkan hingga kini belum ada kata putus mengenai usaha memperkenalkan pendidikan seks di sekolah.

Sebab utama kenapa pendidikan seks tidak dapat diajar di sekolah kerana ketakutan tidak berasas se-setengah pihak, tindakan itu tidak akan membantu menyelesaikan gejala sosial yang berleluasa dalam kalangan pelajar serta remaja.

Persoalannya, tanpa pendidikan seks di sekolah apakah gejala sosial seperti zina, hubungan seks rambang, pembuangan bayi atau kes rogol semakin berkurangan? Jawapannya tidak juga kerana ada saja kes rogol bawah umur dan pembuangan bayi dilaporkan.

Sebenarnya sudah banyak kajian membuktikan pendedahan kepada perkara berkaitan hubungan seksual serta implikasinya, jika tidak menyelesaikan masalah sosial tetapi sekurang-kurangnya mampu membendung peningkatan statistik jenayah zina, buang anak serta seks bebas.

Perbincangan mengenai Reprodktif, Kesihatan Seksual dan Nilai Islam: Etika dan Kacamata Undang-undang oleh pensyarah Fakulti Agama dan Teologi, Universiti KwaZulu-Natal, Kolej Kampus Howard, Durban, Afrika Selatan, Prof Abul Fadl Mohsin Ebrahim, turut membangkitkan perkara itu.

Katanya, senario sama berlaku di Afrika Selatan apabila permintaan Ahli Lembaga Sekolah supaya doktor mengajarkan pendidikan seks di sebuah sekolah menengah mendapat bantahan ibu bapa yang takut pendedahan itu akan menggalakkan anak mereka mencuba melakukan hubungan seksual.

“Di Afrika Selatan, remaja berumur 12 tahun yang hamil, undang-undang membenarkan mereka menggugurkan kandungan tanpa perlu meminta kebenaran ibu bapa.

Headline	Ketakutan tidak berasas sekat pendidikan seks		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	34	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	533 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 23,482
Frequency	Daily	PR Value	RM 70,446

Jadi, berdasarkan pertimbangan etika, lelaki dan perempuan perlu didedahkan dengan pendidikan seks.

“Oleh itu, pendidikan seks perlu didedahkan kepada pelajar kerana ilmu pengetahuan itu akan menjadi pelindung sebelum mereka mengambil keputusan untuk aktif dalam hubungan seksual,” katanya.

Beliau yang dijemput Institut Antarabangsa Kajian Tinggi Islam Malaysia (IAIS) untuk menyampaikan ceramah umum mengenai isu berkaitan Reprodktif, Kesihatan Seksual dan Nilai Islam berkata, ilmu pengetahuan bermaksud untuk memperkasakan sementara kejahatan boleh menyekat.

Justeru katanya, pendidikan seks adalah untuk memperkasakan pelajar supaya dapat memelihara diri daripada terjebak dalam perkara negatif seperti kehamilan usia muda, perlakuan seks bebas serta penyakit kelamin.

Bagi tujuan itu, pendidikan seks dicadangkan diajar oleh guru lelaki kepada pelajar lelaki dan guru perempuan kepada pelajar perempuan. Guru yang dipilih pula perlu mempunyai kelayakan, berwibawa serta berintegriti.

Banyak lagi kenyataan yang perlu difikirkan ibu bapa atau mereka yang menentang mata pelajaran pendidikan seks kepada pelajar antaranya isu berbangkit seperti langkah pencegahan hamil seperti kondom, hamil bawah umur dan masalah HIV.

Prof Abul Fadl berkata, andaian

kebanyakan pihak sekarang ialah penjelasan mengenai langkah pencegahan kehamilan kepada pelajar akan menggalakkan mereka untuk melakukan hubungan seks tanpa takut.

Katanya, ketakutan sebenar yang sepatutnya mengganggu fikiran mereka ialah kenyataan bahawa sekarang ini lebih ramai kalangan remaja yang hamil dan menghidap HIV.

“Rata-rata kafeteria universiti di Afrika menyediakan kondom dengan amaran ‘cegah diri anda daripada HIV’. Berlaku kes pelajar universiti menggunakan kondom tetapi hamil. Disebabkan itu keluarga Islam marah kononnya pencegahan kehamilan menggalakkan hubungan seksual,” katanya.

Mengulas perkara itu, Ketua Pegawai Eksekutif IAIS, Prof Dr Mohammad Hashim Kamali, berkata jika ditanya kepada mufti mengenai langkah menyediakan kondom itu, jawapannya pasti mereka tidak akan bersetuju.

Bagaimanapun katanya, keperluan mesti diukur seimbang dengan konflik yang melihat daripada sudut nilai atau hukum dan hakikat yang berlaku supaya penyelesaian difikirkan benar-benar memberi kebaikan kepada semua.

“Fiqh adalah warisan yang kaya tetapi tidak semua berlaku dalam masyarakat kontemporari dibicarakan oleh ahli fiqh terdahulu. Begitu juga fiqh kesihatan yang mendedahkan kita kepada pelbagai ma-

salah kerana bidang ini tidak dijelaskan secara khusus tetapi umum.


“Apa yang kita ada ialah rujukan iaitu al-Quran dan sunnah serta panduan bagaimana hendak mencari jalan penyelesaian. Oleh itu, mereka yang berilmu serta mempunyai kepakaran perlu membantu untuk menangani masalah ini,” katanya.

Jadi, bagaimana cara menangani permasalahan ini dan jika pendidikan seks adalah pilihannya, bagaimana pula ia boleh dilaksanakan?

Prof Abul Fadl mengakui ia bukannya keputusan yang mudah kerana terlalu banyak isu dikaitkan dengan pendidikan seks membabitkan hukum syarak, pandangan umum serta kefahaman masyarakat mengenai permasalahan yang sebenarnya.

Justeru katanya, silibus pendidikan seks perlu direncana melalui pandangan lebih luas, bukan tertumpu kepada perlakuan saja tetapi merangkumi aspek kasih sayang, kekeluargaan dan hukum agama supaya ilmu itu benar-benar memberi manfaat serta mencapai matlamat.

Katanya, gabungan kebijaksanaan ahli fiqh yang memberikan pandangan, pakar bidang perubatan dan ilmu wahyu diperlukan bagi membantu hasrat mendedahkan pelajar kepada pendidikan seks mampu dilaksanakan dengan lebih baik seterusnya menghasilkan impak diharapkan.



PROF Abul Fadl Mohsin Ebrahim (kiri) ketika menyampaikan ceramah umum mengenai isu berkaitan Reprodktif, Kesihatan Seksual dan Nilai Islam di IAIS, baru-baru ini.